




ARIF (berdiri di tengah) menyemak borang pendaftaran peserta yang menyertai Jelajah Agropreneur Muda Zon Utara di RTC, Gopeng pada 3 Jun lalu.



PARA peserta program dibahagikan mengikut sektor dalam sesi latihan kumpulan.



SEBAHAGIAN peserta tekun membaca risalah yang disediakan oleh pihak penganjur.



IRMOHIZAM (tengah) bergambar dengan sebahagian 192 peserta selepas menyampaikan sijil pada acara Majlis Penutup Jelajah Agropreneur Muda Zon Tengah di MARDI, Serdang bulan lalu.

Jelajah Agropreneur Muda jadi pusat sehati

PROGRAM Jelajah Agropreneur Muda Zon Utara yang dianjurkan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Gopeng, Perak pada 3 Jun lalu menjadi pusat sehati untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh usahawan dalam sektor pertanian.

Program anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) itu telah menarik penyertaan daripada 200 orang peserta dari Perak dan Pulau Pinang.

Pengarah Unit Agropreneur Muda dan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) MOA, Mohd. Arif Adenan berkata, program tersebut diadakan untuk menyelesaikan masalah-masalah utama yang dihadapi oleh usahawan sektor pertanian.

Menurutnya, objektif utama program tersebut adalah untuk menyediakan rancangan perniagaan dan pembiayaan kepada usahawan-usahawan muda.

"Program Jelajah Agropreneur Muda merupakan pusat sehati yang dianjurkan oleh MOA bagi

menyelesaikan isu-isu berkaitan perniagaan dan pembiayaan usahawan dalam tempoh sehari.

"Kita turut menyediakan 13 agensi dan jabatan di bawah MOA untuk membantu usahawan secara terus.

Aktiviti

Agensi yang terlibat ini juga dapat menyelesaikan pelbagai perkara yang tertangguh terutama mengenai pelan perniagaan dan pembiayaan," ujarnya.

Antara agensi yang terlibat ialah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Mohd. Arif turut memberitahu, kebanyakan usahawan mempunyai masalah dalam aspek pembiayaan.

"Dengan penyertaan Agrobank dan pihak TEKUN, dua agensi tersebut membantu permohonan dan

penyediaan kertas kerja usahawan pertanian," jelasnya.

Dalam program itu, peserta dibahagikan mengikut pecahan empat sektor pertanian iaitu tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani.

Mereka diberi taklimat dan dipecahkan mengikut sektor dalam sesi latihan dalam kumpulan. Menerusi sesi itu, peserta diajar untuk menyemak kertas kerja, rancangan perniagaan dan pengisian borang pinjaman.

Peserta juga diajar untuk mengendalikan perniagaan berasaskan pertanian dengan lebih teratur terutama dari aspek perancangan perniagaan seperti profil syarikat, pengenalan projek, penerangan projek dan carta aliran tuna.

Sementara itu, sebanyak 139 agropreneur muda berjaya memperoleh dana bernilai RM2 juta daripada MOA selepas permohonan

(usahawan tani) geran In Kind Contribution (IKC) mereka diluluskan.

Mereka merupakan sebahagian daripada 192 peserta program Jelajah Agropreneur Muda Zon Tengah bagi pemantapan untuk kelulusan geran IKC 2015 yang diadakan di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di Serdang, Selangor pada 16 Jun lalu.

Ia melibatkan agropreneur muda yang berada di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

Majlis penutupan program tersebut disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Irmohizam Ibrahim.

Program Jelajah Agropreneur Muda akan diteruskan di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak sehingga hujung tahun ini.

Program tersebut buat kali pertama telah dijalankan dengan jayanya di Kompleks Latihan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Kedah pada 27 Mei lalu.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program tersebut, layari laman web www.moa.gov.my.



KETUA Penolong Pengarah (Program) Unit Agropreneur Muda dan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) MOA, Azemi Zainol berucap pada Majlis Penutup Jelajah Agropreneur Muda Zon Utara di MADA, Kedah pada 27 Mei lalu.



SETIAP peserta program dipastikan terlibat secara aktif ketika sesi perbincangan yang diadakan dalam kumpulan.



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai Jelajah Agropreneur Muda di MARDI, Serdang.